



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1989
DR.8/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1989 dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh penyiaran Akta ini dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Seksyen 2 hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Hakim Besar Borneo melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Seksyen 5, 6 dan 7 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25hb Ogos 1988.

2. Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah, yang dalam Akta ini disebut "Ordinan", adalah dipinda—

Pindaan seksyen 4. Sabah Bab 2.

(a) dengan menggantikan perenggan (cc) subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(cc) he has been conferred the degree of Bachelor of Laws by the University of Malaya, the International Islamic University, Malaysia, or the National University of

Singapore, or he has been awarded the Advanced Diploma in Law by the MARA Institute of Technology, Malaysia, or he has been awarded a Certificate in Legal Practice by the Qualifying Board established under the Legal Profession Act 1976; or”;

Act 166.

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) dan (1B) yang berikut :

“(1A) Subject to subsection (1B), no person having any of the qualifications mentioned in subsection (1) shall be admitted as an advocate unless he has been a Magistrate of the First Class in the State of Sabah for a period of not less than twelve months or he has been a pupil, or read in the chambers, of the State Attorney-General, or of an advocate who has been lawfully practising in some part of Malaysia for a period of not less than five years immediately prior to the person becoming his pupil or commencing to read in his chambers, for a period—

(a) of not less than twelve months; or

(b) if he has obtained a certificate from the University of Malaya or the National University of Singapore that he has satisfactorily completed a post-graduate course of instruction in law organised by the University, of not less than six months.

(1B) The Chief Justice may, in his sole discretion, exempt a person from the whole or part of any period of pupillage or reading in chambers, upon application made to him supported by satisfactory evidence that—

(a) there are special circumstances justifying the exemption;

(b) the applicant has for a period of not less than six months been a pupil, or read in the chambers, of a legal practitioner in active private practice, in any

territory within the Commonwealth, of not less than five years' standing; or

(c) the applicant has satisfactorily completed a post-graduate course of instruction in law organised by any institution that would render him eligible to be admitted to practise as a legal practitioner (by whatever name called) in any territory within the Commonwealth.”;

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “subsection (1)” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “subsections (1) and (1A)”;

(d) dengan menggantikan perenggan (c) subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(c) he has Sabah connections.”; dan

(e) dengan memotong subseksyen (3) dan (4).

3. Seksyen 5 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “State Attorney-General who” dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan “, and the Sabah Law Association which,”.

Pindaan
seksyen 5.

4. Seksyen 10 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “or” dalam subperenggan (i) perenggan (c) dengan perkataan “and”.

Pindaan
seksyen 10.

5. Seksyen 12 Ordinan adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 12.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Suspension and striking off” dalam nota birai dengan perkataan-perkataan “Striking off, etc.,”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “be suspended from practising in Sabah or his name may be struck off the roll of advocates” yang terdapat di dalamnya dengan perkataan-perkataan “have his name struck off the roll of

advocates, be suspended from practising in Sabah, be fined not exceeding five thousand ringgit, be censured or be awarded costs to or against him"; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "rule regulating the practice and etiquette of the profession made under section 17" dalam perenggan (k) dengan perkataan-perkataan "rules made under paragraph (a), (b) or (c) of section 17".

Pindaan
seksyen 13.

6. Seksyen 13 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "suspend or strike an advocate off the roll of advocates" dan "suspended or struck off the roll" dalam subseksyen (1) masing-masing dengan perkataan-perkataan "strike an advocate off the roll of advocates, suspend, fine, censure or award costs referred to in section 12" dan "struck off the roll of advocates, suspended, fined, censured or awarded costs".

Pindaan
seksyen 14.

7. Seksyen 14 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "suspended or struck off the roll" dan "suspension or striking off" dalam subseksyen (1) masing-masing dengan perkataan-perkataan "struck off the roll, suspended, fined, censured or awarded costs" dan "striking off, suspension, fine, censure, award of costs".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Peguambela Sabah (kemudian daripada ini disebut "Ordinan").

2. Seksyen 4 Ordinan memperkatakan tentang kelayakan-kelayakan bagi penerimaan seorang peguambela di Sabah. Subseksyen (1) menyatakan kehendak-kehendak profesional yang diperlukan, sementara subseksyen (2) menyatakan kelayakan-kelayakan lain yang perlu diperolehi sebelum seseorang itu layak diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (cc) subseksyen (1) memperuntukkan bahawa, sebagai tambahan kepada kelayakan-kelayakan profesional yang dinyatakan di dalamnya, seseorang itu dikehendaki mempunyai perkaitan Sabah dan telah menjadi Majistret Kelas Pertama di Sabah atau telah menjalani perlatihan atau latihan peguam (pupillage or reading in chambers) bagi sesuatu tempoh tertentu, sebelum dia layak diterima sebagai

seorang peguambela. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 4 untuk memperuntukkan bahawa kelayakan-kelayakan tambahan ini hendaklah terpakai bagi seseorang yang mempunyai mana-mana daripada kelayakan yang disebut dalam subseksyen (1), dan tidak hanya bagi seseorang yang mempunyai mana-mana daripada kelayakan yang disebut dalam perenggan (cc) subseksyen (1) sahaja, sebelum orang itu diterima sebagai seorang peguambela. Kehendak mengenai perkaitan Sabah dimasukkan ke dalam seksyen 4 (2) (c) untuk menggantikan kelayakan-kelayakan kemastautinan yang sedia ada. *Fasal* ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Hakim Besar untuk mengecualikan, di dalam keadaan-keadaan tertentu, mana-mana orang daripada menjalani keseluruhan atau apa-apa bahagian tempoh perlatihan atau latihan peguam.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 5 Ordinan, yang memperkatakan tentang penghantarserahan suatu salinan permohonan untuk penerimaan sebagai peguambela dan dokumen-dokumen relevan kepada Peguam Besar Negeri dan haknya untuk didengar atas permohonan itu, supaya peruntukan ini juga terpakai bagi Persatuan Undang-Undang Sabah.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda perenggan (c) seksyen 10 Ordinan untuk memperuntukkan bahawa sebelum Hakim Besar boleh memberikan kebenaran kepada seseorang untuk mengendalikan sesuatu kes atau perkara di Sabah, kedua-dua syarat yang dinyatakan di dalamnya hendaklah dipatuhi, iaitu, orang itu telah diarahkan oleh seorang peguambela tempatan dan memandangkan segala keadaan yang relevan, Hakim Besar berpendapat bahawa ianya adalah demi keadilan untuk memberi kebenaran itu.

5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 12 untuk menambahkan penalti yang boleh dikenakan ke atas seseorang peguambela kerana melanggar mana-mana daripada perkara yang dinyatakan di dalamnya. Penalti denda sejumlah tidak melebihi \$5,000, celaan dan pengawardan kos kepada atau terhadap seorang peguambela adalah tambahan kepada penalti yang sedia ada iaitu memotong daripada daftarai nama peguambela berkenaannya dan penggantungan daripada menjalankan amalan. *Fasal* ini juga bertujuan memperluaskan perenggan (k) seksyen 12 untuk membolehkan tindakan diambil kerana melanggar mana-mana kaedah yang dibuat di bawah perenggan (a), (b) atau (c) seksyen 17.

Pindaan-pindaan lain adalah kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1297.]